

PM lancar iKAD warga asing

Um - 14/3/2007

MELAKA 13 Mac - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini melancarkan kad pengenalan imigresen berteknologi tinggi, iKAD yang pertama di dunia untuk kegunaan warga asing yang tinggal di negara ini.

Kad tersebut bagi menggantikan kad pengenalan imigresen sedia ada untuk pekerja asing, pembantu rumah asing, pelajar antarabangsa, pegawai dagang dan peserta Malaysia Rumah Kedah.

ia dilengkapi dengan 17 ciri keselamatan fizikal yang tinggi bagi menjamin kad pengenalan itu tidak dipalsukan.

Antara ciri-ciri keselamatan itu ialah penyimpanan dua cap jari biometrik, penggunaan gambar berwarna dan maklumat pemegang kad pada cip yang hanya memerlukan saiz kurang dari dua kilobit.

Kad tersebut menggunakan teknologi Cip Keselamatan Karsof buatan

Malaysia manakala empat jenis teknologi yang digunakan pada kad itu sedang dipatenkan sebagai teknologi negara ini.

Perdana Menteri ketika melancarkan iKAD berkata, kad pengenalan imigresen yang baru itu merupakan antara kejayaan yang dicapai oleh kerajaan melalui konsep kerajaan elektronik (e-kerajaan).

Bagaimanapun, menurut beliau, kejayaan e-kerajaan perlu seiring dengan kesedaran rakyat tentang pentingnya membentuk komuniti elektronik (e-komuniti).

"Rakyat perlu tahu menggunakan kad ini. Kadang-kadang rimas, susah sebab nak kena belajar. Kalau tidak mahu belajar, mereka tidak akan dapat kemudahan, yang ada hanya kesusahan," kata Abdullah.

Selain melancarkan iKAD, Perdana Menteri turut merasmikan Kompleks Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

(KHEDN) cawangan Melaka, Ayer Keroh di sini.

Turut hadir, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad dan Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd. Ali Rustam.

Pada majlis itu, Abdullah turut meluangkan masa melawat galeri yang mempamerkan hasil kerja tangan para banduan dari seluruh negara yang ditempatkan di kawasan Kompleks KHEDN.

Dengan adanya galeri tersebut, ia memberi kemudahan dan membuka peluang kepada orang ramai melihat serta membeli barangan yang dipamerkan seperti bunga telur, peralatan perkahwinan dan perabot.

Selain Kompleks KHEDN di Melaka, kementerian itu turut mempunyai kompleks yang serupa di Ipoh, Perak; Kuantan (Pahang), Wangsa Maju (Kuala Lumpur) dan Pulau Tioman di Pahang.